



**SUMBANGAN WEB 2.0 DI DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN
PEMBELAJARAN MURID SEKOLAH RENDAH**

NURUL JAWAHIR BINTI JEMAIN



**LAPORAN KERTAS KERJA PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015





PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nurkilan dan ringkasan tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

Februari 2015



05-4506832




pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi


NURUL JAWAHIR BINTI JEMAIN

M2012201314



DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotation and summaries which have been duly acknowledged.

February 2015

NURUL JAWAHIR BINTI JEMAIN



M2012201314





PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan laporan projek ini dengan sempurna seperti yang telah dirancang.

Terlebih dahulu, jutaan terima kasih saya hurkan kepada penyelia projek iaitu Prof. Madya Dato' Abd Latif Hj Gapor yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh tekun dan sabar. Saya doakan agar beliau dikurniakan kesihatan yang baik agar dapat terus memberikan khidmat baktinya kepada anak bangsa dan negara. Dengan tunjuk ajar serta kesabarannya membantu saya menyiapkan kertas kerja ini amat dihargai.

Akhir sekali, penghargaan ditujukan kepada ibu bapa, keluarga mertua dan suami saya, Hafizal Hanif b. Mohd Yazis yang sentiasa berada disamping saya di kala susah dan senang dan memberi sepenuh galakan dan dorongan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Terima Kasih





ABSTRAK

Pembelajaran melalui internet telah mula mengorak satu langkah baru di mana satu kaedah pembelajaran melalui kemudahan aplikasi Web 2.0 mula diperkenalkan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui sumbangan Web 2.0 di dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid sekolah rendah. Kajian ini berbentuk kajian kes menggunakan tiga orang responden, menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Murid akan dikemukakan soalan mengenai tahap penggunaan aplikasi Web 2.0, keberkesanan penggunaan aplikasi Web 2.0 di dalam membantu pembelajaran murid sekolah rendah dan faktor-faktor yang menarik minat pelajar untuk belajar melalui aplikasi Web 2.0. murid-murid ini menunjukkan peningkatan di dalam pembelajaran mereka menerusi peperiksaan dan latihan yang diberikan oleh guru. Secara umumnya, kajian ini menunjukkan pelajar perlu menggunakan aplikasi Web 2.0 dalam aktiviti pembelajaran seperti latihan, kuiz atau ujian bulanan supaya dapat membantu meningkatkan pembelajaran mereka.





WEB 2.0 CONTRIBUTIONS IN HELPING TO IMPROVE STUDENT LEARNING IN ELEMENTARY SCHOOLS

ABSTRACT

Learning through the internet has begun a new step in which a method of learning through Web 2.0 application facility was introduced. The aim of this study was to investigate the contribution of Web 2.0 in helping improve student learning in primary schools. This study is a case study using three respondents and uses the method of interviews and observations as a research instrument. Pupils will be submitted questions about the use of Web 2.0 applications among primary school students, effective use of Web 2.0 applications in helping primary school pupils' learning and the factors that attract students to learn through Web 2.0 applications. In general, this study shows that students need to use Web 2.0 applications in learning activities such as in exercises, quizzes or in their monthly tests that can help improve their learning.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7



1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	8
1.8.1	Penggunaan Web 2.0	8
1.8.2	Web 2.0	8
1.8.3	Pelajar	9
1.8.4	Guru	9
1.9	Penutup	9

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	10
2.2	Teknologi Internet Sebagai Media Pendidikan	11
2.3	Perkembangan Internet Dalam Sistem Pendidikan Malaysia	13
2.4	E-Pembelajaran	15
2.4.1	Kelebihan dan Kesan E-Pembelajaran Terhadap Pelajar	16
2.4.2	Sikap Pelajar Terhadap E-Pembelajaran dan Faktornya	17
2.5	Web 2.0	20
2.5.1	Sejarah Web 2.0	21
2.5.2	Definisi Web 2.0	21
2.5.3	Ciri-ciri Web 2.0	22
2.5.4	Aplikasi Web 2.0	25



2.5.4.1	Blog	25
2.5.4.2	Wiki	25
2.5.4.3	Forum Atas Talian (<i>Online Forum</i>)	26
2.5.4.4	<i>Social Bookmarking</i>	26
2.5.4.5	Rangkaian Sosial	26
2.5.4.6	Perkongsian Media	27
2.6	Aplikasi Web 2.0 Dalam Pendidikan	27
2.6.1	Penggunaan Blog Dalam Pendidikan	29
2.6.2	Penggunaan Rangkaian Sosial Dalam Pendidikan	30
2.6.3	Penggunaan Laman Perkongsian Media Dalam Pendidikan	30
2.6.4	Penggunaan Wiki Dalam Pendidikan	31
2.7	Kajian Lepas Tentang Aplikasi Web 2.0	31
2.8	Penutup	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Lokasi Kajian	36
3.4	Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	38





x

3.5.1	Temu bual	39
3.5.2	Pemerhatian	41
3.6	Skop Kajian	42
3.7	Prosedur Kajian	42
3.8	Analisis Data	44
3.8.1	Kaedah Temu Bual	45
3.8.2	Pemerhatian	49
3.9	Kesahan dan kebolehpercayaan	51
3.10	Etika Kajian	52
3.11	Penutup	54



BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	55
4.2	Konteks Kajian	56
4.3	Web 2.0 dan Peranan Pelajar	57
4.4	Web 2.0 dalam Pendidikan	58
4.5	Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 di Kalangan Murid Sekolah Rendah	59
4.6	Keberkesanan Penggunaan Web 2.0	62
4.7	Faktor yang Menarik Minat Pelajar	64



4.7.1 Murid A	64
4.7.2 Murid B dan Murid C	68
4.8 Penutup	77

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	78
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	79
5.2.1 Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 di Kalangan Murid Sekolah Rendah	79
5.2.2 Keberkesanan Penggunaan Web 2.0	79
5.2.3 Faktor yang Menarik Minat Pelajar	81
5.2.3.1 Elemen Multimedia	81
5.2.3.2 Mesra Pengguna	81
5.2.3.3 Interaktif	81
5.3 Kesimpulan	82
5.4 Implikasi Kajian	82
5.5 Cadangan Kajian Akan Datang	83

RUJUKAN	85
----------------	-----------



LAMPIRAN

Lampiran A	Senarai Semak Pemerhatian	95
Lampiran B	Soalan Temu bual Responden	99





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Prosedur Analisis Temu bual	47
3.2 Jadual Pemerhatian Murid	51





SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	43
3.2	Proses Analisis Data Temu Bual	49





SENARAI SINGKATAN

BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
ID	<i>Identification</i>
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LCD	<i>Liquid-crystal Display</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SK	Sekolah Kebangsaan





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Perkembangan pesat era Sains dan Teknologi dekad ini ternyata memberi pengaruh yang meluas kepada kehidupan seharian. Apa yang lebih membanggakan ia turut memberi kesan yang meluas di dalam sistem pendidikan Malaysia di dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, penggunaan teknologi terkini seperti aplikasi Web 2.0 yang semakin meluas membolehkan pelajar mencari maklumat dan informasi dengan lebih mudah dan berkesan.





Masyarakat bukan sahaja dapat melayari web malah dapat mempamerkan, memperluaskan dan berkongsi kreativiti mereka dengan sesiapa sahaja tanpa batasan masa, ruang dan lokasi. Aplikasi Web 2.0 bukanlah merupakan perkara baru dalam dunia internet. Jika sebelum ini masyarakat hanya menggunakan web untuk mencari maklumat semata-mata, tetapi dengan kewujudan Web 2.0, komunikasi dapat dijalankan secara dua hala selain menjadikan komunikasi begitu berkesan, pantas dan mudah.

Aplikasi Web 2.0 merupakan persekitaran yang sempurna bagi para pendidik. Penggunaan Web 2.0 ini membantu mengubah landskap abad ke-21 dalam bidang pendidikan. Menurut Moore dan Kearsley (1996) penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan hasil pembelajaran. Selain itu, Bower (1996) pula menekankan lagi bahawa pengajaran berasaskan teknologi adalah lebih alternatif dan perlu terus ditingkatkan. Ia membentuk pendekatan pelajar untuk belajar, pendekatan pengajar untuk mengajar dan bagaimana pendidik berinteraksi dengan pelajar. Penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan dan menyediakan kaedah dengan memberi penekanan kepada penciptaan dan penerokaan ilmu secara aktif serta menjadikan pelajar lebih berfikiran kreatif.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kebanyakan pengajaran di peringkat tertinggi di Malaysia dijalankan secara kaedah visual dan auditori di mana pelajar banyak membaca serta menggunakan deria pendengaran serta perbincangan di dalam kelas (Rosniah Mustaffa, 2007). Teknik pembelajaran satu hala ini hanya melibatkan komunikasi antara pelajar dan guru di mana pelajar hanya mendengar pengajaran daripada guru dan seterusnya mencatat input-input pengajaran. Namun begitu, timbul persoalan adakah sistem pengajaran satu hala ini dapat memberikan tahap pemahaman yang maksimum kepada pelajar.





Sistem pendidikan pada masa kini sudah banyak mengalami perubahan dari segi penggunaan teknologi dan bahan-bahan rujukan. Kaedah pembelajaran secara tradisional yang menggunakan buku, kapur dan papan tulis telah mengalami anjakan paradigma kepada pembelajaran menggunakan komputer (Baharuddin *et al.*, 2000). Perkembangan teknologi dan peningkatan kepentingan penghantaran maklumat berkomputer telah membawa kepada e-learning atau e-pembelajaran. E-pembelajaran telah mengubah landskap pembelajaran dari pengajaran di bilik darjah kepada pembelajaran di depan komputer. Oleh itu, pembelajaran menjadi hal yang peribadi dan strategi penilaian yang efektif menjadi semakin penting pada waktu ini, pembelajaran dan pengajaran melalui internet bukanlah satu isu yang asing di Malaysia terutamanya di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Ini kerana telah wujud satu budaya pembelajaran moden menggantikan budaya pembelajaran tradisional (pembelajaran melalui pembacaan buku) yang mana internet menjadi satu medium pembelajaran utama. Penggunaan forum atau perkongsian maklumat menerusi laman-laman web yang berasaskan Web 1.0 di dalam e-pembelajaran itu sendiri kurang berjaya menarik minat mereka untuk turut serta secara aktif dalam perbincangan yang dijalankan iaitu dalam aplikasi mencari sumber dalam internet dengan menggunakan enjin gelincir.

Sama ada di peringkat pelajar sekolah ataupun mahasiswa, semua golongan muda-mudi ini aktif menggunakan Web 2.0 dalam kehidupan sosial mereka. Ini dibuktikan dengan data statistik yang diberikan oleh David (2007) yang menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 120000 blog baru wujud setiap hari, 80% pelajar kolej di seluruh dunia telah menggunakan Facebook, manakala MySpace mencatatkan nilai sehingga 375000 ahli baru setiap hari. Jika dahulu banyak kelemahan yang wujud apabila proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan hanya bergantung kepada buku sepenuhnya. Lantaran itu, pembelajaran berkomputer menggunakan internet atau e-pembelajaran telah berjaya memberikan satu penyelesaian bagi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam pembelajaran tradisional dahulu. Namun pada hari ini kita telah dapat





melihat pada beberapa kekurangan pada e-pembelajaran yang mana dahulunya menjadi penyelesaian kepada pembelajarn secara tradisional.

Antara aplikasi teknologi maklumat yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah penggunaan laman web melalui World Wide Web (www), kewujudan laman web pendidikan tempatan seperti Portal Pendidikan Utusan, Frog VLE, MySchool Net, Cikgu.Net dan sebagainya tumbuh bagaikan cendawan. Perkembangan positif ini secara tidak langsung memberi ransangan kepada murid dan guru untuk menggunakan internet khususnya laman web di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun, kita dapat melihat kekurangan e-pembelajaran yang hanya terhad kepada muat turun (download) dan muat naik (upload) oleh para guru dan pelajar yang terlibat dalam sesuatu kelas atau kuliah sahaja. Lantaran itu, wujud kekangan maklumat yang hanya disalurkan dari beberapa pihak seperti guru dan murid tanpa melibatkan masyarakat atau pihak yang lebih umum di luar sana, yang mana mereka berkemungkinan mempunyai maklumat terkini yang kita tidak ketahui. Pembelajaran atas talian (online) mempunyai pelbagai ledakan informasi atau maklumat yang hanya menunggu masa untuk kita temui. Jadi untuk apakah kita menghasilkan perkongsian maklumat yang hanya berpandukan kepada guru atau rakan sebaya sahaja. Daripada kekurangan dan kelemahan laman e-pembelajaran biasa seperti yang telah dibincangkan di atas, penggunaan laman-laman web e-pembelajaran kepada teknologi web 2.0 boleh dijadikan sebagai suatu penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sedia ada dalam kelas. Kehadiran aplikasi Web 2.0 ini dilihat sebagai revolusi untuk menyebarkan maklumat secara meluas khususnya dalam bidang pendidikan. Oleh itu, penggunaan laman-laman web bercirikan web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas harus dikaji dengan lebih mendalam memandangkan penggunaannya dalam bidang pendidikan masih di peringkat rendah di negara ini.





Namun begitu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti sama ada aplikasi Web 2.0 ini mampu memberi sumbangan ke atas pembelajaran pelajar untuk membantu mereka mendalami sesuatu subjek seterusnya meningkatkan pencapaian mereka di dalam subjek tersebut.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan masalah yang sedia wujud, pengkaji ingin menjalankan kajian sumbangan Web 2.0 di dalam pembelajaran pelajar sekolah rendah. Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan e-pembelajaran, tidak kurang juga yang menyatakan kelemahan dan kekangannya. Menurut Urdan & Weggen (2000), walaupun berusaha penuh dalam perkembangan e-pembelajaran, tetapi hanya sebahagian keterangan yang menyokong bahawa e-pembelajaran adalah efektif. Oleh itu aplikasi Web 2.0 dilihat dapat membantu mengatasi kekangan sistem e-pembelajaran kerana aplikasi Web 2.0 sangat popular di kalangan remaja yang sebahagian besarnya adalah murid. Terdapat banyak jenis aplikasi Web 2.0 seperti laman wiki, blog, laman perkongsian video, laman perkongsian dokumen, laman perkongsian foto dan rangkaian sosial yang jika digunakan sebaiknya dapat membantu sistem pengajaran dan pembelajaran. Contoh-contoh Web 2.0 ini adalah *Wikipedia, BlogSpot, Youtube, SlideShare, Scribd, Flickr dan Facebook*. Setiap halaman mempunyai hak sendiri berdasarkan fungsi mereka untuk menarik pengguna internet. Aplikasi Web 2.0 boleh memberikan maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat dan jika kita melihat dari sudut pembelajaran, ia juga dapat menjadi media yang berkesan dalam pendidikan.

Oleh itu pengkaji ingin sumbangan Web 2.0 di dalam pembelajaran pelajar sekolah rendah di Port Dickson, Negeri Sembilan. Kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan Web 2.0 dalam bidang pendidikan.





1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini berasaskan kepada beberapa objektif tertentu, antaranya:

- i. Meneroka tahap penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam kalangan pelajar sekolah rendah.
- ii. Mengkaji keberkesanan penggunaan aplikasi Web 2.0 di dalam membantu pembelajaran murid sekolah rendah
- iii. Mengenalpasti faktor-faktor yang menarik minat pelajar untuk belajar melalui aplikasi Web 2.0.

1.5 Persoalan Kajian



Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, persoalan kajian yang boleh dibentuk:

- i. Apakah tahap penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam kalangan pelajar sekolah rendah?
- ii. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam membantu pembelajaran dalam kalangan murid sekolah rendah?
- iii. Mengapakah Web 2.0 menarik minat pelajar untuk belajar?





1.6 Skop Kajian

Untuk memastikan kajian ini memenuhi matlamat dan objektif kajian, terdapat sempadan bagi kefungsian aktiviti kajian yang telah dikenalpasti. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan agar kajian dapat mencapai matlamatnya. Skop bagi kajian ini ialah:

- i) Kajian ini hanya dilakukan untuk pelajar di sekolah rendah.
- ii) Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang menarik minat pelajar untuk belajar melalui aplikasi Web 2.0.
- iii) Kajian ini hanya mengkaji sumbangan aplikasi Web 2.0 dalam bidang pendidikan sahaja.



1.7 Kepentingan Kajian

Seperti kita ketahui, aplikasi Web 2.0 menjadi suatu fenomena baru dalam hidup kita. Aplikasi ini tidak hanya digunakan untuk berkomunikasi antara satu sama lain, malah turut digunakan di dalam bidang penyebaran maklumat. Oleh itu, sejajar dengan perkembangan teknologi saat ini, kajian harus dilakukan untuk menentukan tahap penggunaan, keberkesanan penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam membantu pembelajaran dalam kalangan murid sekolah rendah dan faktor-faktor yang menarik minat pelajar untuk belajar melalui aplikasi Web 2.0. Dengan mencari faktor-faktor, ini diharapkan dapat meningkatkan tahap pencarian maklumat yang berguna di kalangan murid dan menghasilkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.



1.8 Definisi Istilah

Dalam penulisan ini terdapat beberapa istilah yang perlu diperjelaskan bagi menerangkan dengan lebih tepat kehendak dan keperluan tentang perkara-perkara yang dibincangkan oleh penyelidik di dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

1.8.1 Penggunaan Web 2.0

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka penggunaan membawa maksud pemakaian, penerapan atau perbuatan menggunakan sesuatu. Oleh itu penggunaan aplikasi Web 2.0 menerangkan tentang usaha dan perbuatan menggunakan aplikasi Web 2.0.

1.8.2 Web 2.0

Web 2.0 adalah istilah umum yang berkaitan dengan aplikasi web yang memudahkan perkongsian maklumat interaktif yang beroperasi melalui media internet dengan bantuan pelayar web dan tidak perlu proses instalasi terlebih dahulu seperti yang umumnya kita gunakan sehari-hari. Sebuah laman Web 2.0 memberi penggunanya pilihan bebas untuk berinteraksi atau berkolaborasi antara satu sama lain dalam komuniti maya, berbeza dengan laman web di mana pengguna terhad kepada pasif melihat kandungan yang yang diciptakan untuk mereka. Contoh aplikasi Web 2.0 termasuk laman web rangkaian sosial, blog, wiki, halaman perkongsian video dan halaman perkongsian grafik.

1.8.3 Pelajar

Pelajar adalah orang yang belajar atau orang yang mengaji (murid), iaitu murid sekolah rendah yang menjadi responden kajian.

1.8.4 Guru

Guru adalah pendidik dan pengajar pada pendidikan anak di sekolah atau pendidikan formal, pendidikan dasar, dan pendidikan menengah. Guru-guru seperti ini harus mempunyai sijil formal. Dalam definisi yang lebih luas, setiap orang yang mengajarkan suatu hal yang baru dapat juga dianggap seorang guru.

1.9 Penutup

Bab satu ini membincangkan tentang aplikasi Web 2.0 dan sedikit latar belakang tentangnya. Daripada objektif dan persoalan kajian, pengkaji ingin mengenalpasti tahap penggunaan aplikasi Web 2.0, mengkaji faktor-faktor penggunaan aplikasi Web 2.0 dan mengkaji keberkesanan penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam pembelajaran di kalangan pelajar. Keterangan yang lebih lanjut akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya